

Bekas kerani nafi enam tuduhan ubah wang haram RM1.13 juta

Mahkamah tetap 14 Julai tarikh pengurusan kes, serahan dokumen

Oleh Rosemaria Buma

MIRI: Seorang bekas kerani kewangan di sebuah jabatan kebajikan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam terhadap enam pertuduhan pengubahan wang haram membabitkan jumlah RM1.13 juta.

Tertuduh, 43, dari Desa Senadin di sini, didakwa atas enam pertuduhan di bawah Subseksyen 4 (1) (b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLA) 2001 (Akta 613).

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara hingga 15 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai hasil aktiviti haram berkenaan atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan bagi setiap tuduhan.

Beraskan tuduhan pertama, tertuduh didakwa memindahkan hasil daripada suatu aktiviti haram berjumlah RM939,380 daripada akaun simpanannya di Bank Simpanan Nasional (BSN) ke akaun simpanan miliknya di Malayan Banking Berhad.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu antara 17 Februari 2022 dan 24 Januari 2023 di BSN Bandar Baru Permyjaya.

Bagi pertuduhan kedua,



KES AMLA: Tertuduh diiringi anggota polis semasa dibawa ke Kompleks Mahkamah Miri, semalam.

dia didakwa melupuskan hasil daripada aktiviti haram berjumlah RM117,584 daripada akaun simpanannya di BSN antara 17 Februari 2022 dan 23 Januari 2023 di lokasi sama.

Manakala bagi tuduhan ketiga hingga keenam, tertuduh didakwa memindahkan hasil daripada suatu aktiviti haram masing-masing berjumlah RM13,200, RM12,300, RM45,000 dan RM1,500 daripada akaun simpanan BSN miliknya ke akaun simpanan BSN milik empat individu lain.

Keempat-empat kesalahan itu didakwa dilakukan tertuduh antara 2 April 2022 dan 10 Ogos 2022 di bank yang sama.

Di hadapan mahkamah, Timbalan Pendakwa Raya dari Unit AMLA Putrajaya Nurul Wahida Jalaluddin memohon satu tarikh baharu ditetapkan untuk pengurusan kes dan serahan dokumen.

Beliau turut memohon agar tertuduh dibebaskan dengan jaminan RM150,000 berserta dua penjamin tempatan yang mempunyai pekerjaan tetap memandangkan kesalahan yang dilakukan tertuduh adalah serius serta mengambil kira jumlah wang yang banyak.

Bagaimanapun katanya, sekiranya mahkamah membenarkan jaminan lebih rendah, beliau memohon agar tertuduh dikenakan deposit

jaminan.

Pemohonan itu dibantah peguam bela Firdaus Morsidi dan Mohd Ikmal Iqbal Baharuddin yang mewakili tertuduh dengan alasan anak guam mereka merupakan seorang penjawat awam dan tidak mungkin akan melarikan diri.

Tambahan, anak guam mereka turut mempunyai masalah kesihatan dan sekiranya ditahan lama, akan menjejaskan kesihatannya.

Hakim Leo Saga yang mendengar kes itu secara Zoom kemudian menetapkan 14 Julai depan sebagai tarikh pengurusan kes dan serahan dokumen, manakala tertuduh diperintahkan dibebaskan dengan jaminan RM100,000 berserta dua penjamin tempatan dan membayar deposit jaminan RM18,000, sementara menunggu tarikh tersebut.

Sekiranya tertuduh gagal menjelaskan deposit jaminan, dia akan ditahan lanjut di Penjara Pusat Miri mengikut Seksyen 259 Kanun Prosedur Jenayah.

Sebagai syarat tambahan, tertuduh dikehendaki menyerahkan pasportnya kepada polis serta melapor diri di balai polis sekali sebulan sehingga kes selesai.

Untuk rekod, tertuduh telah ditangkap sekitar jam 2 petang Ahad lalu di Ibu Pejabat Polis Daerah Miri sebelum dibawa ke mahkamah semalam.